



JABATAN PENDIDIKAN PERAK  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
30640 IPOIL,  
PERAK DARUL RIDZUAN.



Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273 Portal : www.pelajaranperak.gov.my

**1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN**

Ruj. Kami : BTPN(PK-UPB)8873/1 Jld.8(85)

Tarikh : 16 Oktober 2013  
11 Zulhijjah 1434

Pengetua / Guru Besar  
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah Negeri Perak

Tuan/Puan,

**PELUASAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH DI SEMUA SEKOLAH  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA NEGERI PERAK**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke – 199 Bil. 2/2012 pada Mei 2012 yang dipengerusikan oleh YAB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Yassin telah bersetuju bahawa peluasan aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) ke semua sekolah merupakan penyelesaian kepada pelbagai aplikasi (*multiple data entry*) di sekolah.

3. Jabatan Pelajaran Negeri Perak akan memperluaskan penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Pendidikan Negeri Perak Bil. 4/2013 pada 25 Mei 2013.

4. Sehubungan dengan itu, aplikasi SPS adalah satu pangkalan data tunggal yang akan menjadi *primary data source* di sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan agar semua inisiatif pembangunan aplikasi yang dibangunkan pada akan datang oleh mana-mana pihak perlu berintegrasi dengan pangkalan data ini bagi mengelakkan kemasukan data yang sama berulang kali oleh pihak berkepentingan seperti JPN, PPD dan bahagian-bahagian KPM bagi tujuan analisis dan pelaporan.

5. Oleh itu, pihak tuan/puan perlu memastikan penggunaan 6 modul SPS adalah dilaksanakan sepenuhnya. Pihak Kementerian Pendidikan akan membuat pemantauan pelaksanaan SPS di sekolah tuan/puan dari semasa ke semasa. Pematuhan dan kerjasama tuan/puan dalam hal ini dan memastikan pelaksanaan SPS berjalan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MOHD IDRIS BIN HAJI RAMLI, P.M.P, A.M.P.)

Timbalan Pengarah,  
b.p Pengarah Pendidikan Perak.

- s.k. 1. Ketua Penolong Pengarah,  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Perak.
2. Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak.

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)